



## PruBSN Asas360

### Perlindungan 360° untuk Setiap Peringkat Kehidupan

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA HAD PERLINDUNGAN. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Ahli PIDM

# Perlindungan Menyeluruh Direka Khusus untuk Setiap Peringkat Kehidupan

Dalam dunia yang sentiasa berubah dengan pantas hari ini, keperluan untuk melindungi diri anda daripada ketidaktentuan hidup haruslah diutamakan. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan perlindungan kewangan yang komprehensif untuk anda dan orang tersayang, demi menjamin masa depan yang stabil dan sejahtera.



**PruBSN Asas360** adalah pelan takaful berkaitan pelaburan sumbangan berkala yang fleksibel dan menawarkan pelbagai pilihan. Ia menyediakan rangkaian perlindungan takaful yang komprehensif melalui pelan asas dan rider pilihan, yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan anda yang unik.

## Kelebihan **PruBSN Asas360**

### Permulaan Awal

Lindungi masa depan anak anda dari dalam kandungan seawal **13 minggu kehamilan** dengan perlindungan komprehensif dengan rider Baby TotalCare yang menyediakan perlindungan untuk pelbagai keadaan kongenital, gangguan perkembangan kanak-kanak dan banyak lagi.




### Perlindungan Sepanjang Hayat

Manfaat daripada perlindungan yang berterusan sehingga **umur 100 tahun**, lengkap dengan ciri pelanjutan automatik untuk memastikan perlindungan sepanjang hayat.



### Penyelesaian Komprehensif

Capai perlindungan yang anda inginkan di samping memaksimumkan pelaburan anda dengan potensi pulangan yang meningkat, semuanya dalam satu **pelan bersepadu**.



### Fleksibel dan Boleh Disesuaikan

Nikmati ketenangan fikiran dengan tempoh perlindungan antara 20 tahun hingga umur 100 tahun. Sesuaikan perlindungan anda dengan sehingga **20 manfaat pilihan**, termasuk pelan perubatan tanpa had yang melindungi kos kemasukan ke hospital dan rawatan pesakit luar.



### Ganjaran Bonus Kasih

Dapatkan **bonus tunai** bersamaan dengan 1% daripada Jumlah Perlindungan Asas anda setiap 10 tahun sehingga umur tamat tempoh yang dipilih, yang akan dilaburkan ke dalam dana berkaitan pelaburan anda.



# Perlindungan Bermula dari dalam Kandungan

PruBSN Asas360 memenuhi setiap aspek keperluan perlindungan anak anda, bermula dari kehamilan dan berterusan melalui semua peringkat perkembangan mereka dengan melampirkan rider Baby TotalCare dan Vital Care Plus.



## Baby TotalCare

Baby TotalCare adalah rider yang menawarkan perlindungan yang meluas untuk **ibu dan anak** seawal 13 minggu kehamilan sehingga anak mencapai umur 7 tahun pada hari lahir akan datang.

### Manfaat Penjagaan Kehamilan

Perlindungan komprehensif untuk **komplikasi kehamilan, pembedahan caesarean kecemasan untuk bersalin awal, kesejahteraan mental** dan banyak lagi. Ia juga termasuk **elaun hospital harian** untuk kemasukan ke hospital akibat komplikasi kehamilan.

### Manfaat Penjagaan Anak

Melindungi cahaya mata anda yang baru lahir daripada kemungkinan **inkubasi, kemasukan ke hospital HDU dan ICU, rawatan fototerapi untuk Jaundis neonatal** dan kemasukan ke hospital akibat **keadaan kongenital**. Manfaat ini meliputi sehingga 28 keadaan kongenital, termasuk semua keadaan struktur kongenital, dan menyediakan elaun hospital harian bagi kemasukan ke hospital untuk meringankan beban kewangan anda.

Selain itu, ia menawarkan perlindungan untuk pelbagai **gangguan perkembangan kanak-kanak**, termasuk Gangguan Spektrum Autisme Teruk, Gangguan Hiperaktif Defisit Perhatian dan Kelewatan Perkembangan Motor atau Pertuturan Kasar.

*Nota: Manfaat khusus yang disediakan di bawah Baby TotalCare bergantung pada jenis pelan yang dipilih.*

## Vital Care Plus

Vital Care Plus adalah rider yang menyediakan perlindungan untuk penyakit khusus bagi kanak-kanak sehingga mencapai umur 25 tahun pada hari lahir akan datang.

### Perlindungan untuk Penyakit Spesifik Kanak-kanak

Menawarkan bantuan kewangan dengan manfaat sekaligus apabila di diagnosis penyakit spesifik kanak-kanak yang dilindungi seperti Penyakit Lelah Teruk, Leukemia dan banyak lagi.

### Naik Taraf Automatik pada Umur 25 Tahun

Naik taraf secara automatik kepada Crisis Protector, menyediakan perlindungan yang relevan untuk orang dewasa dengan 43 Penyakit Kritikal, memastikan perlindungan berterusan sehingga umur 100 Tahun.



# Perlindungan Perubatan Komprehensif dengan HealthProtector

Ringankan bebanan anda dengan pelan perubatan tanpa had kami, membolehkan anda memberi tumpuan kepada pemulihan apabila menghadapi penyakit.

HealthProtector ialah rider perubatan yang membayar balik perbelanjaan perubatan untuk kemasukan ke hospital dan rawatan pesakit luar.

Ia menawarkan:

## Pilihan SmartSaver atau High Deductible

Sesuaikan pelan perubatan anda untuk memenuhi keperluan anda dengan pilihan yang fleksibel.

### SmartSaver

SmartSaver300 atau SmartSaver1000:  
Bayar amaun tetap sebanyak RM300 atau RM1,000 daripada jumlah perbelanjaan yang layak ditanggung untuk manfaat yang layak bagi setiap hilang upaya sebelum PruBSN membayar baki perbelanjaan yang selebihnya.

### High Deductible

Pilihan High Deductible: Membayar amaun tetap deduktibel bagi manfaat yang layak dalam tempoh setahun sebelum PruBSN membayar perbelanjaan yang selebihnya.

## Smart Value Point: RM1 juta, RM1.5 juta dan RM2 juta

HealthProtector menyediakan perlindungan yang berterusan dengan **TIADA had tahunan dan TIADA had seumur hidup**. Jika tuntutan anda melebihi Smart Value Point, ditambah dengan sebarang bonus Smart Value Point terkumpul, 80% daripada lebihan kos akan dilindungi.

## Smart Value Point Bonus

Memberi anda ganjaran kerana kekal sihat dengan peningkatan nilai Smart Value Point anda.

## 100% Ketidakbatalan

HealthProtector tidak boleh dibatalkan dan pembaharuananya dijamin oleh PruBSN.

*Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat. Untuk maklumat lengkap HealthProtector, sila rujuk brosur HealthProtector.*

# Ubah Suai Perlindungan Anda

dengan pelbagai rider pilihan

## Perlindungan Perubatan

Dengan rider **HealthProtector**, anda memiliki ketenangan bila mengetahui bahawa anda dan orang yang anda sayangi akan menerima rawatan perubatan yang diperlukan tanpa bebanan kewangan. Pelan perubatan ini membayar balik perbelanjaan perubatan untuk kemasukan ke hospital dan rawatan pesakit luar tanpa had tahunan / had seumur hidup.

## Perlindungan Penyakit Kritikal

Fokus pada pemulihan anda dengan rider **Crisis TotalCare**, yang menyediakan perlindungan penyakit kritikal sehingga 166 keadaan yang melindungi dari peringkat awal hingga akhir.


Dapatkan manfaat sekaligus apabila didiagnosis dengan mana-mana 43 penyakit kritikal yang dilindungi dengan rider **Crisis Protector** atau rider **Crisis Shield**.

## Perlindungan Contributor

Pastikan pelan anda terus berkuat kuasa pada masa sukar dengan bantuan kewangan daripada **rider Contributor**.

## Derma

Lakukan perubahan dengan menyediakan perlindungan takaful kepada mereka yang memerlukan melalui sumbangan rider **Ihsan**.



## Perlindungan Kemalangan

Dapatkan sokongan kewangan untuk kecederaan akibat kemalangan dengan rider-rider perlindungan kemalangan kami - **Accidental Protector Plus**, **Accidental Medical Protector** dan **Accidental Income Protector**.

## Pelaburan

Tingkatkan kekayaan anda dengan rider **Takaful Saver**, yang melabur dalam dana pelaburan patuh Syariah untuk potensi pulangan.

# Ciri-Ciri Utama PruBSN Asas360

## Manfaat Kematian

Sekiranya berlaku kematian sebelum tamat tempoh perlindungan, manfaat berikut akan dibayar:

- Jumlah Perlindungan Asas; dan
- Nilai unit dalam Akaun Unit Perlindungan (PUA) dan Akaun Unit Pelaburan (IUA) (jika ada).

Sekiranya berlaku kematian bayi dalam kandungan dan sehingga 30 hari daripada kelahiran anak anda, manfaat berikut akan dibayar:

- Sumbangan Perlindungan Tahunan serta sebarang Sumbangan Allocator; dan
- Nilai unit dalam PUA dan IUA (jika ada).

Selepas pembayaran manfaat kematian, sijil akan dibatalkan.

## Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)

Jumlah perlindungan akan dibayar sekiranya berlaku TPD sebelum tarikh ulang tahun sijil apabila orang yang dilindungi berumur 70 tahun atau sebelum tamat tempoh perlindungan, yang mana terdahulu.

Sekiranya anak anda mengalami TPD pada bila-bila masa dalam tempoh 30 hari pertama daripada kelahiran, manfaat berikut akan dibayar:

- Sumbangan Perlindungan Tahunan serta sebarang Sumbangan Allocator; dan
- Nilai unit dalam PUA dan IUA (jika ada).

Kemudian sijil akan dibatalkan.

## Kasih Bonus

1% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dikreditkan ke dalam IUA sijil anda pada ulang tahun sijil ke-10 dan setiap 10 tahun selepas itu, sehingga akhir tempoh sijil yang dipilih.

*Tertakluk kepada terma dan syarat.*

## Lien Juvenil

Lien Juvenil diguna pakai untuk tuntutan kematian, TPD, penyakit kritis dan kematian akibat kemalangan orang yang dilindungi sebelum umur 5 tahun. Dalam kes sedemikian, sebahagian daripada manfaat akan dibayar mengikut jadual di bawah:

Umur Kanak-kanak semasa tuntutan kejadian	Peratusan Amaun Manfaat Kematian/TPD/Penyakit Kritis/Kematian Akibat Kemalangan (%)
1	20
2	40
3	60
4	80

<b>Umur Kemasukan</b>	Pranatal/Kanak-kanak: 13 minggu kehamilan hingga umur 18 tahun Dewasa : Umur 19 – 70 tahun
-----------------------	---

### Jumlah Perlindungan Asas

#### Pranatal (bayi belum lahir sehingga 40 minggu kehamilan)

- Minimum : RM25,000
- Maksimum : RM250,000

#### Kanak-kanak

- Minimum : RM25,000
- Maksimum : RM1,000,000

#### Dewasa

- Minimum : RM25,000
- Maksimum : Tiada had (Tertakluk kepada pengunderaitan)

*Nota: Jumlah Perlindungan Asas minimum ialah RM5,000 apabila HealthProtector dengan pilihan High Deductible dilampirkan.*

### Tempoh Sijil

Pilih untuk dilindungi sehingga umur tamat tempoh 60, 70, 80, 90, 100, atau untuk tempoh 20 tahun.

*Nota: Pilihan adalah berdasarkan umur kemasukan orang yang dilindungi dengan tempoh sijil minimum tidak kurang dari 20 tahun.*

### Peruntukan Pelaburan

Pilih daripada 10 jenis dana berkaitan pelaburan untuk menempatkan sumbangan anda berdasarkan pilihan risiko anda.

Sumbangan anda (selepas ditolak caj Wakalah) akan dilaburkan dalam dana berkaitan pelaburan patuh Syariah pilihan anda.

Takafulink Dana Aktif	Takafulink Dana Ekuiti Income
Takafulink Dana Dinamik	Takafulink Dana Ekuiti Plus
Takafulink Dana Ekuiti Dinasti	Takafulink Dana ESG Global
Takafulink Dana Aktif	Takafulink Dana Sukuk
Takafulink Dana Ekuiti Global	Takafulink Dana Urus

*Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut mengenai kadar peruntukan sumbangan anda. Untuk maklumat lanjut mengenai objektif, peruntukan dan prestasi lepas dana berkaitan pelaburan, anda boleh merujuk kepada Helaian Fakta Dana dan Laporan Tahunan Dana di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my).*

## Sumbangan

Sumbangan bulanan minimum ialah RM100 untuk dewasa dan RM50 untuk kanak-kanak. Sumbangan adalah berdasarkan pilihan Jumlah Perlindungan Asas, rider, umur tamat tempoh permulaan dan kekerapan sumbangan (bulanan, suku tahunan, separuh tahunan atau tahunan). Sumbangan akan berbeza berdasarkan umur kemasukan, jantina, status merokok, kelas pekerjaan dan keadaan kesihatan (jika berkenaan).

Jumlah sumbangan merangkumi Sumbangan Perlindungan, mana-mana Sumbangan Allocator dan Sumbangan Pelaburan. Sumbangan Perlindungan dan Sumbangan Allocator akan diperuntukkan ke dalam PUA dan Sumbangan Pelaburan akan diperuntukkan ke dalam IUA selepas ditolak Caj Wakalah Pendahuluan.

Jadual di bawah menunjukkan contoh sumbangan tahunan untuk lelaki yang tidak merokok yang berumur 30 tahun tanpa sebarang masalah kesihatan, dengan Jumlah Perlindungan Asas sebanyak RM100,000 dan tempoh sijil sehingga umur 70 tahun, dengan dana berkaitan pelaburan sebanyak 50% dalam Takafulink Dana Urus dan 50% dalam Takafulink Dana Sukuk:

Jumlah amaun yang perlu dibayar berdasarkan tempoh sijil sehingga umur 70 tahun pada hari lahir akan datang	Untuk meningkatkan kemampunan sijil anda sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil (sehingga umur 100 tahun)	
	Alternatif 1	Alternatif 2
RM1,200 setiap tahun dari umur 30 hingga umur 69 tahun pada hari lahir akan datang	Kami menasihatkan RM1,200 Tahunan diteruskan sehingga tamat Pelanjutan Tempoh Sijil.  Selain itu, penambahan sumbangan berkala* sebanyak RM1,044 Tahunan adalah dicadangkan daripada umur 30 tahun hari lahir akan datang sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil.  Jumlah amaun yang perlu dibayar dengan tambahan sumbangan berkala*: RM2,244 Tahunan dari umur 30 tahun pada hari lahir akan datang sehingga umur 99 tahun pada hari lahir akan datang.	Kami menasihatkan RM1,200 Tahunan diteruskan sehingga tamat Pelanjutan Tempoh Sijil.  Selain itu, penambahan sumbangan berkala* sebanyak RM8,508 Tahunan adalah dicadangkan daripada umur 70 tahun hari lahir akan datang sehingga akhir Pelanjutan Tempoh Sijil.  Jumlah amaun yang perlu dibayar dengan tambahan sumbangan berkala*: RM1,200 Tahunan dari umur 30 tahun pada hari lahir akan datang sehingga umur 69 tahun pada hari lahir akan datang.  RM9,708 dari umur 70 tahun pada hari lahir akan datang sehingga umur 99 tahun pada hari lahir akan datang.


\*Penambahan sumbangan berkala boleh dilakukan melalui pilihan rider Takaful Saver atau Takaful Saver Impian, jika berkenaan.

*Nota: Jumlah sumbangan yang ditunjukkan di atas adalah tidak dijamin dan dianggarkan berdasarkan jumlah minimum yang diperlukan. Sumbangan juga mungkin berbeza bergantung kepada pulangan pelaburan sebenar, manfaat yang dipilih, pembayaran sumbangan, Penolakan Tabaruu' dan caj-caj. Anda boleh merujuk kepada penyata tahunan untuk jumlah penambahan sumbangan berkala yang dicadangkan, yang dikemaskini setiap tahun untuk meningkatkan kemampunan sijil sehingga tempoh yang dilanjutkan (berdasarkan Alternatif 1 di atas) dan mungkin boleh mempertimbangkan untuk menambah sumbangan anda dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemampunan sijil anda. PruBSN akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum Pelanjutan Tempoh Sijil jika terdapat sebarang sumbangan tambahan yang diperlukan semasa tempoh yang dilanjutkan. Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk untuk sumbangan yang perlu dibayar berdasarkan perlindungan yang dipilih.*

# Caj & Penolakan

## Caj Wakalah Pendahuluan

Caj ini membolehkan kami membayar komisen, perbelanjaan berkaitan pengagihan, dan perbelanjaan pengurusan. Peratusan yang ditunjukkan di bawah adalah berdasarkan sumbangan yang dibayar dan untuk tempoh bayaran sumbangan selama 20 tahun dan ke atas.



Untuk tempoh pembayaran sumbangan kurang daripada 20 tahun, sila rujuk Ilustrasi Produk. Tiada Caj Wakalah Pendahuluan dikenakan kepada rider Ihsan.

## Caj Wakalah Perkhidmatan

Ini bagi pengurusan dan pentadbiran sijil anda. Caj Wakalah Perkhidmatan bulanan bagi semua kaedah pembayaran adalah seperti berikut:

Kaedah	Kekerapan
Kaedah pembayaran berulang	RM10 sebulan
Kaedah pembayaran tidak berulang (iaitu Tunai/Cek)	RM13 sebulan

Terdapat caj tambahan sebanyak RM8 sebulan jika anda melampirkan HealthProtector.

Kaedah pembayaran berulang adalah merujuk kepada pembayaran melalui kemudahan pengebilan automatik seperti tetapi tidak terhad kepada Debit Terus, Kad Debit, Kad Kredit atau Biro Angkasa.

## Penolakan Tabarru`

Ini adalah untuk membayar perlindungan Takaful anda. Nilainya berbeza bergantung kepada umur, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, status kesihatan dan jumlah perlindungan (jika berkenaan).

## **Caj Wakalah Pengurusan Aset**

Ini adalah untuk perbelanjaan pengurusan pelaburan anda. Caj ini dikenakan secara harian dan ditunjukkan dalam harga unit.

Dana Berkaitan Pelaburan	Caj Wakalah Pengurusan Aset
Takafulink Dana Aktif	1.50% setahun
Takafulink Dana Asia	1.50% setahun
Takafulink Dana Dinamik	1.25% setahun
Takafulink Dana Ekuiti Dinasti	1.50% setahun
Takafulink Dana Ekuiti Global	1.50% setahun
Takafulink Dana Ekuiti Income	1.50% setahun
Takafulink Dana Ekuiti Plus	1.50% setahun
Takafulink Dana ESG Global	1.50% setahun
Takafulink Dana Sukuk	0.50% setahun
Takafulink Dana Urus	1.30% setahun

## **Caj Wakalah Penambahan Sumbangan Tunggal**

**RM25 untuk setiap penambahan, yang dikecualikan sehingga transaksi elektronik dilaksanakan.**

Apabila transaksi elektronik dilaksanakan, permintaan secara manual untuk pengeluaran separa dikenakan caj sebanyak RM25.

## **Caj Wakalah Penukaran Dana**

**Terdapat 4 penukaran percuma dibenarkan setiap tahun sijil.** Penukaran berikutnya dalam tahun tersebut akan dikenakan caj penukaran sebanyak 1% daripada jumlah yang ditukar, tertakluk kepada maksimum RM50. Caj ini dikecualikan sehingga transaksi elektronik dilaksanakan.

## **Caj Wakalah Pengeluaran Separa**

**RM25 akan dikenakan bagi setiap permohonan, yang dikecualikan sehingga transaksi elektronik dilaksanakan.** Apabila transaksi elektronik dilaksanakan, permohonan secara manual untuk pengeluaran separa dikenakan caj sebanyak RM25.

# NOTA-NOTA PENTING

1. Ini adalah produk takaful yang terikat pada prestasi aset-aset pendasar, dan ia bukan suatu produk pelaburan tulen seperti unit amanah.
2. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelan ini dan manfaat tambahannya, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk, Lampiran Keterangan Produk dan Helaian Fakta Dana, sebelum menyertai pelan ini dan sila rujuk kepada terma dan syarat di dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
3. Pulangan daripada PUA dan IUA anda, sekiranya ada, akan berdasarkan pada prestasi sebenar dana-dana dan ia tidak dijamin.
4. Risiko pelaburan dana anda akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang dibayar.
5. **PruBSN Asas360** adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta`awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam *Dana Tabarru`* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas. Perlindungan takaful adalah daripada *Dana Tabarru`*.
6. Anda berhak menerima sebarang agihan lebihan daripada *Dana Tabarru`* termasuk keuntungan (jika ada). Bersama para peserta yang lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan dan PruBSN akan menerima 50% baki selebihnya sebagai yuran prestasi menguruskan *Dana Tabarru`*. Bahagian agihan lebihan anda akan dimasukkan semula ke dalam PUA anda. Amaun agihan lebihan sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk pada persetujuan Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
7. Anda seharusnya terus membayar sumbangan anda secara tetap sehingga tarikh matang pelan anda untuk memastikan anda dan anak anda dilindungi sepenuhnya di bawah pelan ini setiap masa. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menamatkan perlindungan anda sebelum tarikh matang.
8. Jika anda berhenti membayar atau tertinggal membayar sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum tamat tempoh. Sijil anda akan tamat sekiranya amaun PUA dan/atau IUA anda tidak mencukupi untuk membayar Penolakan *Tabarru`* dan caj-caj lain.
9. Sumbangan, penolakan *Tabarru`* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN boleh menyemak semula sumbangan, penolakan *Tabarru`* dan/atau caj lain dengan memberi notis bertulis 90 hari (kecuali bagi manfaat perubatan dan penyakit kritikal, jika ada, di mana notis 30 hari akan diberikan). Sekiranya terdapat kenaikan penolakan *Tabarru`* dan caj-caj lain, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan.

10. Manfaat contributor akan membantu dalam pembayaran jumlah sumbangan atas kematian (jika berkenaan), TPD atau penyakit kritikal anda atau ahli keluarga, jika berkenaan, sewaktu tempoh pembayaran sumbangan sijil dan amaun manfaat adalah seperti yang dinyatakan dalam dokumen sijil takaful. Sekiranya terdapat semakan sumbangan atau semakan caj-caj yang menjelaskan jumlah sumbangan pada masa hadapan, anda dikehendaki membayar tambahan sumbangan penambahan bagi memastikan nilai PUA dan IUA masih berterusan sepanjang tempoh sijil.
11. Sebarang rujukan kepada umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Lahir Akan Datang, kecuali dinyatakan sebaliknya.
12. Anda boleh membatalkan pelan ini dengan menghantar permohonan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran sijil, dalam kes tersebut kami akan memulangkan semula kepada anda nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian seterusnya, sumbangan Ihsan anda (jika ada), sebarang penolakan *Tabarru`*, Caj Wakalah Pendahuluan, Caj Wakalah Perkhidmatan, dan sebarang cukai yang telah dipotong ditolak dengan mana-mana caj perubatan yang telah ditanggung oleh PruBSN.
13. Jika anda membatalkan sijil pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak memperoleh nilai penuh daripada amaun yang telah anda bayar kepada kami. Apabila anda menyerahkan sijil, semua manfaat dalam sijil akan ditamatkan.
14. Jika anda menukar pelan perubatan semasa anda dengan yang lain atau dari satu pengendali yang lain, anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baru dan tempoh menunggu untuk pelan baru.
15. Anda boleh meminta secara bertulis untuk menarik balik Pelanjutan Tempoh Sijil pada bila-bila masa setelah sijil anda dikeluarkan. Ini akan menyebabkan perlindungan anda berakhir pada tempoh sijil asal tanpa lanjutan. Walau bagaimanapun, jika ada permintaan berikutnya untuk memohon semula Pelanjutan Tempoh Sijil, permohonan ini akan tertakluk kepada pengunderaitan.
16. Anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan untuk pelan ini tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
17. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara brosur versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dan untuk tujuan penafsiran dan pembinaan, brosur versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.

*Nota: Maklumat lanjut untuk perlindungan dan manfaat-manfaat rider pilihan boleh didapati dalam Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Produk yang harus dibaca dengan teliti sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan ini.*

# PENGECUALIAN

**PruBSN Asas360** tidak melindungi sebarang situasi berikut:

1. Kematian akibat membunuh diri dalam tahun pertama daripada tarikh permulaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil, yang mana terkemudian.
2. TPD yang berlaku secara langsung ataupun tidak langsung disebabkan oleh:
  - i. percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras;
  - ii. percubaan melakukan kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas atau melakukan sebarang kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas;
  - iii. mengambil dadah atau narkotik melainkan seperti yang ditetapkan untuk ubat oleh Doktor yang bertauliah;
  - iv. pengaruh atau penyalahgunaan dadah atau narkotik atau alkohol atau penyalahgunaan stimulator;
  - v. mabuk dadah atau narkotik atau alkohol;
  - vi. memandu kenderaan atau menunggang motosikal di bawah umur minimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan atau memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan;
  - vii. perang atau sebarang tindakan perang atau penaklukan atau tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi, rusuhan atau campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa, penyertaan langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam;
  - viii. penglibatan dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan PruBSN memberi persetujuan melalui endorsan khas;
  - ix. sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada PruBSN berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi; atau
  - x. sebarang keadaan kongenital, trauma kelahiran dan komplikasi dari sisanya, bagi sijil atau lampiran yang diluluskan semasa Orang yang Dilindungi masih berada dalam kandungan.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.

# APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berdasarkan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta  
Perkhidmatan  
Kewangan Islam 2013

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti "Jaminan Bersama" atau "menjamin antara satu sama lain".

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (Ta`awun) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.

**PERTOLONGAN BERSAMA**

**PERLINDUNGAN BERSAMA DARIPADA KERUGIAN**

**TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

Secara intipatinya, takaful adalah berdasarkan prinsip "Ta`awun" (**kerjasama/pertolongan bersama**) di mana penglibatan penyertaannya adalah **Tabarru`at (Kebajikan)**.

# **PRUDENTIAL BSN**

---

## TAKAFUL

PruBSN Asas360 adalah produk yang patuh Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

**PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD**  
(No. Syarikat 200601020898 (740651-H))

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2775 7188



[customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)



SMS PruBSN and send to 33080



[www.facebook.com/prubsn](http://www.facebook.com/prubsn)



[www.instagram.com/prubsn\\_official](http://www.instagram.com/prubsn_official)



[www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad](http://www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad)

### Penting:

Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.